

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh _____ sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: NOOR AUNI AZWA
BINTI MOHAMAD
No. Kad Pengenalan: 000305-02-0222
Tarikh: 26/2/2024

AY
Tandatangan Penyelia

N
Nama Penyelia:
Tarikh:



FYP FTIKW

PERSEMBAHAN SILAT GAYONG DALAM MASYARAKAT KEDAH

DISEDIAKAN OLEH :

NOOR AUNI AZWA BINTI MOHAMAD

C20A1553

Laporan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan Dengan Kepujian (Seni Persembahan)

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana saya dapat menyiapkan projek penyelidikan saya. Saya terhutang budi yang tidak terhingga kepada Encik Mohd Aswawi bin Isa, yang berkhidmat sebagai pembimbing saya semasa menjalankan kajian ini. Beliau telah memberi sumber ilmu yang sangat bernilai kepada saya semasa saya menjalankan kajian ini.

Saya juga ingin menggunakan peluang ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa saya atas segala sokongan dan bantuan mereka semasa saya menjalankan kajian ini. Selain itu, kedua ibu bapa saya juga banyak memberikan sokongan kewangan dan sokongan moral yang banyak dalam bentuk kata-kata semangat dan nasihat.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu dengan memberi idea yang bernes dan membantu mencari bahan latar yang berguna, dan kepada semua orang yang membantu, walaupun sedikit ataubanyak, dalam hal ini sehingga membolehkan saya menyiapkan projek ini.

Sekian, Terima Kasih.

KANDUNGAN

	HALAMAN
MUKA HADAPAN	1
PENGHARGAAN	2
ISI KANDUNGAN	3 - 4
ABSTRAK	5
 BAB 1 : PENDAHULUAN	 6 - 9
A. LATAR BELAKANG KAJIAN	9 - 16
B. PERMASALAHAN KAJIAN	16 - 17
C. OBJEKTIF KAJIAN	17 - 18
D. PERSOALAN KAJIAN	18
E. SKOP KAJIAN	18 - 19
F. KEPENTINGAN KAJIAN	19 - 20
G. KESIMPULAN	20
 BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS	
A. PENGENALAN	21
B. SOROTAN KAJIAN LEPAS	21 - 37
C. KESIMPULAN	37

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

38 - 40

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

A. PENGENALAN	41
B. TEMU BUAL	41
C. APAKAH LATAR BELAKANG DAN SEJARAH SILAT GAYONG DI KEDAH?	42 - 45
D. APAKAH PERGERAKAN YANG TERDAPAT DALAM SENI SILAT GAYONG?	45 - 46
E. APAKAH PERANAN SILAT GAYONG DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI KEDAH?	46 - 49
F. KESIMPULAN	49 - 50

BAB 5 : CADANGAN DAN KESIMPULAN

A. PENGENALAN	51
B. CADANGAN	51
C. INDIVIDU/PENGKAJI	51 - 52
D. MASYARAKAT	52 - 53
E. KERAJAAN	53 - 54
F. KESIMPULAN	54

LAMPIRAN

55 - 57

RUJUKAN

58 - 59

ABSTRAK

Dalam tesis ini ada menceritakan tentang Persembahan Silat Gayong dalam masyarakat di Kedah. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti, menganalisis data dan menghuraikan berkaitan dengan silat gayong. Silat gayong ini adalah salah satu aktiviti silat mempertahankan diri yang perlu diketengahkan lagi kerana ianya sangat unik dan supaya silat gayong ini sendiri tidak pupus ditelan zaman. Data dalam kajian ini diperoleh melalui daripada hasil pembacaan yang berkaitan dengan silat gayong. Selain itu juga, data diperoleh berdasarkan kaedah data primer dan data sekunder. Data ini hadir dimana kaedah kualitatif iaitu temubual dan pemerhatian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB I

PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, seni ditakrifkan sebagai sejenis seni, seperti puisi, lukisan, muzik, dan bentuk ekspresi lain yang dihasilkan dengan membakar atau cara lain sebagai hasil ciptaan tertentu.¹ Persembahan pula membawa maksud sesuatu persembahan seperti muzik, nyanyian, teater dan aktiviti lain yang ditujukan kepada masyarakat umum. Seni persembahan adalah hasil daripada semua aktiviti dan tingkah laku dalam komuniti yang lebih besar dan berpusat pada struktur yang kukuh serta rangka kerja yang sesuai. Seni persembahan juga terdiri daripada seni persembahan, nyanyian, tarian dan muzik.

Kepelbagaiannya seni persembahan kini telah mencetuskan pertumbuhan industri yang maju kerana terdapatnya limpahan warisan seni Melayu di seluruh Nusantara terutamanya di Malaysia. Hal ini berlaku demikian kerana di Malaysia terdapat pelbagai seni yang mampu menarik minat pelancong luar untuk masuk ke Malaysia. Dengan cara melakukan persembahan di kawasan terbuka seperti di tengah bandar kerana di Malaysia pusat bandar adalah tempat utama untuk pelancong luar berkunjung. Seni persembahan juga boleh digunakan sebagai salah satu cara untuk mengekspresikan perasaan atau menjayakan sesebuah persembahan bagi menyampaikan mesej kepada orang yang menonton. Bukan itu sahaja, menyediakan persembahan ataupun nyanyian juga boleh dibuat sebagai tanda menyambut tetamu dari negara luar yang datang ke Malaysia. Perkara ini akan menarik lebih ramai lagi pelancong luar untuk datang ke Malaysia sekaligus pertumbuhan industri di Malaysia juga akan berkembang dengan lebih luas lagi.

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka (2000). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, p. 1425.

Di sini jelas menunjukkan bahawa seni persembahan sangat memainkan peranan penting dalam perkembangan industri di Malaysia dan ianya merupakan perkara yang penting.

Sejarah bangsa melayu telah menunjukkan bahawa kepelbagaiannya seni persembahan seperti muzik, teater dan tarian semakin memberangsangkan. Hal tersebut dapat disaksikan dari pelbagai persembahan yang dapat dilihat di television, pementasan di panggung persembahan, dan sebagainya. Sejarah melayu sebenarnya terdapat banyak pengetahuan tentang seni persembahan. Tetapi perkara ini tidak diambil berat ataupun tidak dipandang tinggi oleh masyarakat zaman sekarang. Perkara ini kerana mereka menganggap seni persembahan ini sebagai satu perkara yang sudah ketinggalan zaman. Mereka juga berfikir seni persembahan sebagai satu seni tradisional yang lapuk.

Seni persembahan ini sebenarnya kita perlu kaji dan lihat dari zaman dahulu lagi kerana mereka yang hidup pada zaman dahulu lebih banyak menggunakan atau mempraktikan seni dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sebagai contoh, tarian seperti inang dan joget yang wujud dari zaman dahulu lagi mampu hidup sehingga ke masa kini kerana masih ada penggiat-penggiat seni yang berminat terhadap seni melayu yang wujud pada zaman dahulu. Dalam hal ini orang melayu sendiri sebenarnya yang perlu memainkan peranan penting dalam mempertahankan seni melayu yang ada supaya ianya tidak hanyut ditelan zaman.

Seni persembahan juga merupakan satu seni yang menarik dan boleh diterima orang golongan masyarakat. Hal sedemikian merupakan satu aktiviti kesenian yang dimiliki oleh seseorang individu dan secara berkumpulan yang berupaya untuk mereka sampaikan kepada orang lain dalam bentuk tarian dan persembahan. Bagi mereka yang mempunyai kesenian yang tinggi dalam diri mereka akan mampu untuk membuat segala bentuk seni yang ada. Hal ini kerana orang seni ini fikirannya terbuka dan mereka tidak malu untuk menunjukkan bakat yang mereka ada, malah dengan adanya ilmu seni

persembahan itu sendiri mereka mampu membuat apa sahaja persembahan atau aktiviti di hadapan orang ramai kerana mereka mampu lakukannya dan mereka beranggapan dengan cara itu mereka akan lebih menjadi orang yang berdisiplin dan maju. Selain itu, seni persembahan ini juga boleh dipelajari tidak kita peringkat umur. Bagi mereka yang mahu anak mereka menceburi bidang seni dari kecil juga merupakan satu langkah yang baik kerana seni persembahan ini mampu mengajar seseorang individu itu menjadi orang yang berguna, berdisiplin dan berdikari.

Seni persembahan boleh dibahagikan kepada dua kategori klasik dan moden. Kedua-dua ciri ini mungkin terdapat dalam hati semua orang yang benar-benar kreatif. Mereka yang tidak mempunyai bakat semula jadi atau semangat seni tidak akan dapat mencapai kejayaan sebenar di atas pentas. Semangat seni yang ada dalam jiwa setiap peminat seni ini bukanlah secara paksaan kerana bagi individu atau masyarakat yang minat seni mereka perlu mempunyai bakat yang tersendiri. Sekiranya mereka tidak mempunyai bakat dan jiwa seni itu sendiri mereka tidak akan mampu melalukannya.

Seni persembahan tradisional biasanya dipersembahkan dengan memainkan irama muzik tradisional, mempersembahkan tarian-tarian tradisional seperti tarian zapin, nyanyian dan juga teater. Aktiviti yang dilakukan dalam seni persembahan tradisional selalunya lebih lemah lembut seperti nyanyian dan tarian dilakukan dalam keadaan yang sopan dan tertib. Hal ini kerana masyarakat zaman dahulu semuanya bertingkah laku sopan seperti mana tarian dan nyanyian yang disampaikan. Rentak dan lirik dalam lagu tradisional juga penuh dengan makna dan iramanya yang mendayu. Bagi sesiapa yang mendengarnya pasti akan rasa tertarik ditambah pula dengar suara yang merdu. Perkara seperti ini menjadikan bukti yang lebih jelas lagi tentang keaslian terhadap seni persembahan tradisional. Masyarakat masa kini terutamanya orang Melayu perlulah

mengambil langkah bagi memastikan seni tradisional ini dapat dijaga dan diteruskan oleh generasi kini terutamnya orang Melayu sendiri.

Bagi seni persembahan moden pula, bentuk persembahan yang dipertontonkan biasanya lebih kepada muzik-muzik barat. Persembahan yang dipersembahkan mereka lebih kepada pergerakan yang agresif dan muzik mereka juga lebih kepada muzik hip-hop. Seni moden ini terhasil daripada campur tangan kehidupan manusia yang berubah mengikut peredaran zaman. Perkara ini diambil berat dan diberi perhatian supaya seni persembahan tidak lari jauh dari asal usulnya sendiri.

A. LATAR BELAKANG KAJIAN


Seni bela diri bangsa Melayu ataupun dipanggil sebagai silat, orang Melayu telah mencipta dan mengamalkannya sejak pengaruh luar yang masuk ke alam Melayu. Seni perang Melayu dikenali sebagai silat iaitu ilmu pergaduhan dan pertarungan. Tradisi ini mengajar pelbagai ilmu dan teknik untuk mempertahankan diri melalui silat. Seni bela diri Pencak Silat Indonesia telah sampai ke beberapa negara di Asia Tenggara, antaranya Singapura, Brunei Darussalam, dan Malaysia. Silat, sejenis seni mempertahankan diri Malaysia, diamalkan secara meluas di sana. Pencak silat di Indonesia lebih menekankan pada sistem nilai budaya yang luas yang merangkumi etika, estetika, dan aspek kehidupan seharian yang lain. Di Malaysia, Silat terutamanya tentang belajar bagaimana melindungi diri daripada bahaya.

Silat Seni Gayong dibangunkan dan ditubuhkan oleh Mahaguru Dato' Meor Abdul Rahman bin Uda Mohd. Hashim. Beliau dilahirkan di Indonesia pada tahun 1915, dan keturunannya adalah Bugis. Ketika Meor Abdul Rahman berumur 12 tahun, beliau mula berlatih dengan Tuan Syed Zainal bin Syed Idris Al-Attas dalam seni mempertahankan

diri. Anak kelahiran Pahang Syed Zainal bertungkus lumus menghapuskan pengaruh British di negerinya sendiri. Daeng Ambok Solok, pahlawan Bugis dari Jambi, Sumatera, adalah guru Syed Zainal dalam seni mempertahankan diri Silat Seni Gayong. Syed Zainal dan murid-muridnya mengajar Meor Abdul Rahman seni silat. Pada usia 18 tahun, Meor Abdul Rahman komited untuk mempelajari seni silat. Beliau juga menimba ilmu tentang tradisi silat gayong. Beliau juga merupakan indvidu yang memperkenalkan silat gayong ke negeri Kedah.

Silat gayong merupakan salah satu seni yang harus dijaga kerana ianya memberi banyak manfaat kepada seluruh masyarakat. Silat gayong ini mampu membuatkan kita lebih berdisiplin terhadap diri sendiri, boleh membuatkan kita untuk memanfaatkan masa. Bukan sahaja dapat menjadi sebagai penghadang diri dari bahaya malah dapat membuatkan tubuh diri lebih sihat kerana setiap latihan yang dibuat memerlukan stamina tubuh yang kuat. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa penyelidikan tentang silat gayong ini wajar dilakukan kerana mampu membuka mata pengkaji dan juga orang yang membacanya bahawa pentingnya seni silatt gayong ini. Di dalam tesis ini saya akan menjelaskan dengan lebih jelas lagi tentang silat gayong yang ada di Kedah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 1

Peta Negeri Kedah²

Silat gayong di Kedah digunakan sebagai salah satu cara untuk membela diri dan juga silat gayong ini akan melakukan persembahan di dalam upacara perkahwinan atau majlis. Silat gayong ini juga boleh dijadikan sebagai ilmu tambahan bagi mereka yang

² Peta Negeri Kedah, <https://www.visitselangor.com/information/malaysia-maps/map-of-kedah-state/>

ingin mempelajarinya kerana dengan mempelajari silat ini mereka akan dapat menambah kebolehan yang ada pada diri mereka dan juga mereka boleh mendekatkan diri dengan Allah SWT. Selain itu, utamanya silat gayong ini dijadikan sebagai ilmu bela diri kerana di dalam silat ada mempelajari cara untuk bertarung dengan musuh. Perkara ini juga menjadi relevan pada masa kini kerana pada masa kini ramai masyarakat yang mempelajari cara untuk berlawanan musuh dengan mengikuti cara perlawanan di dalam cerita-cerita barat. Kita sebagai orang Melayu harus memainkan peranan dengan mengesyorkan kepada masyarakat kini untuk bersama-sama mempelajari silat kerana ianya bukan sahaja dapat membela diri sekaligus kita akan dapat memastikan silat gayong ini terus mendapat sokongan dalam kalangan masyarakat tidak kira tua atau muda.

Pertubuhan Seni Selat Pusaka Gayong Malaysia merupakan pertubuhan yang ditubuhkan di Kedah. Berdasarkan pengetahuan saya di dalam silat gayung terdapat beberapa latihan yang akan diajar kepada pelajar. Di dalam pertubuhan ini juga ada mengajar tentang adat di dalam silat gayong. Ini kerana sebelum memulakan silat ataupun latihan silat gayong peserta perlu melakukan adat yang dipanggil adat buka gelanggang. Adat buka gelanggang ini dilakukan bertujuan untuk memastikan latihan berjalan dengan lancar dan diberkati oleh Allah SWT sekaligus memudahkan pelajar untuk mengingat dan menghindri segala kecelakaan semasa pesilat berlawan. Bagi latihan yang dilakukan dalam silat di Kedah pula akan mengikuti mata pelajaran yang telah ditetapkan. Antaranya adalah tapak pusaka gayong, seni pusaka gayong yang menggunakan senjata seperti pisau, lembing dan parang, seni belian/kebatinan, seni keris, seni yoi, seni simbat dan seni cindai. Latihan- latihan di dalam mata pelajaran silat ini akan diajar mengikut langkah yang telah ditetapkan.

Prosedur latihan di dalam silat gayong ini dimulakan dengan adat membuka gelanggang. Kemudiannya, pesilat akan melakukan senaman yang dipanggil senaman

gayong. Antara latihan senaman gayong adalah asas kedudukan menanti dan menyerang, tumbuk tapak, senaman serangan anak harimau, asas tendang dan sepakan, asas elak dan asas pukul, asas kunci mati dan kombat. Senaman di dalam silat ini perlu dilakukan bagi memastikan tidak berlaku kecelakaan kepada pesilat. Sebagai contoh, sekiranya tidak melakukan regangan atau pemanasan badan dengan betul mungkin akan terjadinya ketegangan otot semasa melakukan latihan. Perkara ini akan memberikan kesan yang buruk kepada pesilat. Jadi, senama sebelum melakukan silat merupakan satu perkara yang penting. Bukan itu sahaja, sebelum melakukan latihan pesilat perlu berpakaian dengan betul mengikut syarat yang telah ditetapkan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN



Gambar 2

Pakaian Silat Gayong³

Kewujudakan pemakaian di dalam silat gaya adalah untuk memastikan pengurusan silat gayong akan Nampak lebih teratur. Pemakaian ini juga sebenarnya melanbangkan sesebuah pertubuhan itu Nampak lebih kemas dan berkeyakinan kerana ia akan mempengaruhi pandang orang sekeliling. Selain itu, ketika adanya majlis juga ahli pesilat gayong akan dapat mengenakan pemakaian yang sesuai dengan acara

³ Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia PSSPGM, <https://www.gayong.com.my/>

atau majlis yang dianjurkan. Dengan adanya langkah seperti ini, jati diri pesilat juga akan lebih teguh dan bersemangat dalam mengekalkan sesebuah organisasi. Silat gayong mempunyai lima pemakaian yang berbeza. Songket benang emas, baju kebangsaan hitam berkolar musang lima butang, seluar hitam, pendeng songket benang emas, kain sisi songket benang emas, kasut hitam, keris pilihan anda dan selempang adalah pakaian yang disyorkan pertama dan utama untuk lelaki. Tudung atau kebaya (selendang) hitam kosong, pakaian kebangsaan (kurung/kebaya panjang) hitam atau bercorak, kain hitam atau kain bercorak, kasut hitam pejal, dan sandang. Apabila Sultan atau pembesar-pembesar tradisi lain dari Silat Gayong akan menghadiri upacara istana dan pakaian tradisional yang lengkap diperlukan, maka nombor satu digunakan. Nombor 2 dipakai oleh yang kedua. Songkok hitam, baju kebangsaan hitam berkolar musang lima butang, seluar hitam, tali songket benang emas, kain sisi songket benang emas, dan kasut hitam diperlukan bagi peserta lelaki. Tudung (selendang) dan pakaian kebangsaan (kurung/kebaya panjang) yang dipakai oleh wanita kedua-duanya berwarna hitam, dan sama ada material hitam kosong atau bercorak serta kasut hitam diperlukan. Semasa pertemuan dengan Sultan, Ketua Pegawai Tentera, dan majlis rasmi, nombor dua ini juga diseragamkan. Baju lengan pendek, seluar hitam dan kasut hitam diperlukan untuk lelaki dalam kategori ketiga, manakala wanita dalam kategori ketiga mesti memakai tudung, pakaian perniagaan lengan panjang, seluar atau kain dan kasut hitam. Pakaian ini akan dipakai pada persidangan, kelas, dan acara rasmi yang lain. Lelaki juga perlu memakai Tengkolok hitam, seluar hitam 3/4-panjang, dan baju kurung hitam (belang berpotongan v / bot bugis) dengan poket di dada kiri untuk penggunaan keempat nombor 4a. Wanita hendaklah memakai tengkolok atau tudung hitam, baju hitam berpoket dada kiri, dan seluar panjang hitam bersisi hitam dan bertali pinggang melengkung atau lurus. Apabila berlatih seni mereka, ahli mempertahankan diri menggunakan peralatan ini. Pakaian 4b

ialah pilihan terakhir. Tengkolok hitam, baju kurung lengan panjang hitam 3/4 labuh (belang bergaris/potongan v/bot bugis) dengan poket di dada kiri, beg hitam untuk khalifah muda, khalifah muda, khalifah kanan, dan komander hitam, dan tali pinggang hitam atau bengkung adalah pakaian seragam lelaki. Pakaian Seri Kandi Muda, Sri Kandi, dan Sri Kanni Kanan terdiri daripada tudung hitam atau tengkolok, baju kurung hitam labuh berlengan panjang dan poket di sebelah kiri, seluar panjang hitam dan sisi hitam. Pelatih di tempat latihan hendaklah menggunakan 4b.

Di Kedah, silat gayong berfungsi ketika adanya majlis perkahwinan kerana mereka akan memanggil ahli silat gayong untuk mempersembahkan tarian silat. Tetapi perkara ini hanya dilakukan bagi sesetengah majlis perkahwinan sahaja. Tidak berlaku kepada semua majlis perkahwinan kerana adanya sebab-sebab tersendiri. Antara sebabnya adalah, dari segi kewangan dan juga cara dari pihak keluarga pengantin. Silat gayong ini akan dipersembahkan ketika ketibaan pengantin ke rumah. Sebelum naik ke pelaminan untuk melakukan acara persandingan dan makan beradab pengantin akan disekat di pintu masuk untuk mereka saksikan persembahan silat terdahulu. Setelah selesai baru pasangan pengantin akan meneruskan acara seterusnya. Begitulah adat yang dilakukan bagi sesetengah oleh orang Kedah ketika adanya majlis perkahwinan. Perkara ini merupakan fungsi utama yang dilakukan untuk memastikan seni silat gayong ini terus berkembang dan bukan itu sahaja bagi memastikan seni silat gayong ini tidak ditelan zaman latihan dan persembahan di majlis-majlis khas juga akan mereka sertai.

B. PEMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini mengfokuskan kepada Persembahan Silat Gayong dalam Masyarakat Kedah Masyarakat Kedah. Pengkaji telah melakukan 10 pembacaan yang merangkumi daripada surat khabar, internet, jurnal dan rakaman video. Melalui daripada pembacaan

dan ringkasan yang telah dilakukan di dalam bab 2 iaitu sorotan kajian lepas, permasalahan kajian ini adalah mengenai seni silat gayong yang dipersembahkan di dalam acara perkahwinan di Kedah. Di dalam kajian ini, topik yang bersesuaian dengan objektif yang telah disenaraikan iaitu, mengenalpasti objek kajian iaitu silat gayong di Kedah, seterusnya menganalisis data untuk memperoleh dapatan kajian berkaitan dengan seni silat Gayong di Kedah. Akhir sekali, menghuraikan dapatan kajian yang diperoleh bersesuaian dengan prosesur penulisan tesis yang sebenar.

Kajian Seni Silat Gayong ini juga dilakukan kerana di Kedah kini masyarakat kurang untuk mengambil tahu atau mengikuti aktiviti silat gayong ini. Hal ini berlaku demikian kerana, mereka menganggap aktiviti seperti ini seperti aktiviti lama. Mereka kini lebih gemar kepada melakukan aktiviti yang hanya mendatangkan keseronokkan kepada mereka dan tidak mempunyai faedah. Perkara ini akan menyebabkan seni silat gayong ini akan terus ketinggalan zaman. Dalam hal ini, kita patut mengambil inisiatif supaya silat gayong ini dapat diteruskan. Dengan melakukan kajian ini juga pengkaji dapat menolong sedikit sebanyak dalam memperkenalkan seni silat gayong kepada orang lain.

C. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan langkah-langkah yang diwujudkan untuk mencapai tujuan kajian yang dilakukan. Terdapat tiga objektif kajian yang pengkaji dapat melalui kajian silat gayong di Kedah ini. Objektif telah diletakkan pengkaji mengikut keperluan dan syarat penulisan tesis yang betul. Objektif kajian ini boleh memudahkan pengkaji untuk lebih mengetahui apa yang akan dikaji dan mencapai tujuan kajian. Objektif kajian ini merangkumi beberapa aspek seperti mengenalpasti, menganalisis dan menghuraikan data berkaitan Silat Gayong di Kedah. Kesemua hal ini sangat memainkan peranan yang

penting bagi mencapai kajian yang sempurna. Berikut merupakan objektif kajian yang ditetapkan:

- i) Mengkaji latar belakang dan Sejarah silat gayong di Kedah.
- ii) Mengenalpasti pergerakan yang terdapat dalam seni silat gayong di Kedah.
- iii) Menganalisis peranan silat gayong dalam kalangan masyarakat Kedah.

D. PERSOALAN KAJIAN

- i) Apakah latar belakang dan Sejarah silat gayong di Kedah.
- ii) Apakah pergerakan yang terdapat dalam seni silat gayong di Kedah.
- iii) Apakah peranan silat gayong dalam kalangan masyarakat di Kedah.

E. SKOP KAJIAN

Pada bahagian ini, Pengkaji membataskan kajian ini kepada topik utama kajian sahaja. Skop kajian dibuat supaya penulisan kajian ini menjadi lebih kemas mengikut objektif yang telah dikehendaki dan tidak meleweng kepada objektif yang lain. Kemudian, skop kajian dilakukan supaya pengkaji dan pembaca yang akan datang lebih jelas mengenai apa yang ingin disampaikan serta dapat memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, kajian ini dapat dilihat daripada persembahan silat gayong di dalam majlis perkahwinan di Kedah.

Dari sisi lain pengkaji tidak akan mengkaji keseluruhan mengenai silat gayong kerana pengkaji hanya mengfokuskan kepada persembahan silat gayong di Kedah. Pengkaji hanya memfokuskan hanya kepada silat gayong di Kedah kerana silat gayong ini kebanyakannya hanya terdapat di Kedah sahaja. Pengkaji akan mudah untuk

menyelesaikan penulisan mengenai silat gayong ini. Selain itu, segala maklumat lain yang diperoleh daripada sudut lain akan diambil oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai bahan untuk sorotan kajian lepas.

F. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian berkaitan silat gayong di dalam aspek persembahan silat gayong di dalam majlis perkahwinan mempunyai kepentingannya tersendiri sama ada untuk pengkaji itu sendiri atau kepada pihak universiti mahupun kepada masyarakat. Kajian ini memberi banyak faedah serta manfaat kepada semua pihak. Bagi pengkaji sendiri, kajian ini dilakukan untuk menyelesaikan salah satu syarat bagi memenuhi kehendak Universiti Malaysia Kelantan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian. Kajian ini perlu disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan sebelum menamatkan bidang pengajian. Pengkaji telah memilih untuk melakukan penulisan tesis mengenai persembahan silat gayong dalam majlis perkahwinan di Kedah. Tajuk kajian yang telah dipilih ini sangatlah bersesuaian dengan bidang pengajian yang pengkaji pelajari iaitu elektif seni persembahan.

Seterusnya, untuk pihak universiti pula, selepas kajian ini selesai dilakukan, laporan penuh berkenaan persembahan silat gayong dalam perkahwinan di Kedah akan diberikan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan bacaan kepada orang lain terutamanya kepada para pelajar dan juga kepada para pensyarah. Kajian ini sedikit sebanyak akan menambah bahan bacaan di perpustakaan Universiti. Kajian ini juga dilakukan bagi menjadikannya suatu bahan rujukan kepada pengkaji yang ingin mengkaji topik berkaitan Silat Gayong di masa akan datang.

Akhir sekali, masyarakat mendapat kepentingan kerana mereka dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang baru mengenai silat gayong di Kedah. Masyarakat juga akan dapat mengetahui dengan lebih mendalam lagi berkaitan silat gayong di kedah. Masyarakat boleh menjadikan penulisan pengkaji ini sebagai bahan rujukan untuk mengaplikasikan silat gayong dalam kehidupan mereka.

Sebagai kesimpulannya, kajian terhadap silat gayong dalam masyarakat Kedah ini harus dibuat secara betul dan teratur. Silat gayong ini berpotensi untuk dijadikan sebagai aktiviti yang boleh dilakukan dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana, silat gayong ini merupakan salah satu aktiviti yang wujud dari dulu lagi tetapi ramai yang tidak tahu tentang kepentingan dan kelebihan yang ada di dalam silat gayong ini. Mereka hanya menganggap silat gayong ini hanya sebagai ilmu mempertahankan diri tetapi di sebaliknya silat gayong ini sangat berguna di dalam kehidupan masyarakat. Ini kerana dengan mempelajari silat gayong kita mampu untuk menjadikan silat ini sebagai senjata apabila kita berhadapan dengan musuh. Oleh itu, pengkaji dapat menjadikan silat gayong ini sebagai rujukan untuk melengkapkan dan menyiapkan penulisan mengenai silat gayong ini.

G. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian terhadap silat gayong masyarakat Kedah ini perlu dilakukan secara terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana, silat gayong ini dapat menarik minat orang ramai untuk melibatkan diri dalam silat. Dengan adanya ramai masyarakat yang meminati silat gayong perkara ini akan membuatkan silat gayong sendiri tidak rasa ketinggalan zaman.

BAB II

SOROTAN KAJIAN LEPAS

A. PENGENALAN

Sorotan kajian lepas telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai objek kajian seperti Persembahan Silat Gayong dalam Majlis Perkahwinan di Kedah. Pengkaji telah melakukan pembacaan sebanyak 10 bahan bacaan serta meringkaskannya mengikut kefahaman pengkaji tsendiri. Antara bahan bacaan yang telah digunakan adalah seperti buku, jurnal, interbet dan surat khabar. Sorotan kajian lepas juga dilakukan untuk memastikan topik yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu Persembahan Silat Gayong di dalam acara Majlis Perkahwinan di Kedah yang tidak pernah ditulis oleh penulis terdahulu.

B. SOROTAN KAJIAN LEPAS

1. TEMPUR TANGAN KOSONG

Pertubuhan seni silat pusaka gayong Malaysia (PSSPGM), Tetak Tempur Tangan Kosong, Sarjana Media SDN BHD, 2009.

Di dalam buku ini ada menceritakan dengan secara terperinci tentang silat gayong dan ada juga menunjukkan tentang aksi untuk bersilat. Berdasarkan hasil bacaan saya di dalam buku ini, buku ini ada menceritakan secara ringkas tentang Pengasas Utama PSSPGM. Pengasas utama PSSPGM iaitu Ayahanda Abd Majid bin Md Isa. Beliau merupakan seorang pesilat yang handal sehingga beliau diberi kepercayaan untuk mendalami ilmu bermain senjata (keris) di Singapura.

Selain itu, di dalam buku ini ada menceritakan tentang adat perlimau. Adat perlimau merupakan satu adat yang ada dalam silat seni pusaka gayong. Adat perlimau ini dilakukan kepada mereka yang ingin menyertai ahli silat gayong ini. Terdapat beberapa bayaran yang dikenakan untuk melakukan adat ini. Tetapi bayaran ini tidak dimestikan kepada mereka yang tidak berkemampuan. Antara adat istiadat yang dijalankan adalah mandi seni bagi pelatih perempuan dan mandi tapak bagi pelatih lelaki. Selain itu, adat khatam permainan keris ini dilakukan untuk upacara perkhataman pelajaran bagi mereka yang telah selesai mempelajari seni silat gayung ini. Khatam pemain keris ini merupakan ujian akhir yang perlu mereka lakukan dengan menggunakan keris. Upacara mandi minyak juga merupakan salah satu adat yang ada dalam adat perlimau. Mandi minyak ini selalunya dilakukan untuk membuka gelanggang. Buah kelapa digunakan untuk memasak minyak kelapa. Bagi mereka yang melakukan upacara ini perlulah berada dalam keadaan suci. Adat yang mereka lakukan kepada pesilat ini adalah untuk melahirkan pesilat gayong yang berpegang teguh pada Al - quran dan agama islam.

Di dalam buku ini juga ada menjelaskan tentang mata pelajaran PSSPGM. Terdapat 7 mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh pesilat antaranya adalah tapak pusaka gayung, seni pusaka gayong (pisau/lembing/parang), seni keris, seni simbat, seni yoi, seni cindai dan seni belian (kebatinan). Adat buka gelangan juga ada diceritakan dalam buku ini. adat buka gelnggang ini bertujuan agar segala latihan yang dijalankan diberkati oleh Allah dan memudahkan pelajar untuk mengingat sekaigus menghindari segala kecelakaan semasa pesilat berlawan. Seterusnya dalam buku ini juga ada menunjukkan tentang cara bersilat senaman gayung, asas kedudukan menanti dan menyerang, tumbuk tapak, senaman serangan anak harimau, asas tendangan dan sepakan, asas elak dan asas pukul, buah kunci mati dan kombat. Berdasarkan buku ini saya dapat menjelaskan dengan

adanya ilmu pesilatan ini kita dapat mempertahankan diri daripada serangan musuh dan juga mengajar kita untuk terus beriman kepada Allah SWT.

2. SILAT GAYONG MALAYSIA

Wikipedia, Silat Gayong Malaysia, Mac 2017.

https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Silat_Gayong_Malaysia

Berdasarkan sumber internet yang saya perolehi silat gayong ini telah diasaskan oleh Dato' Meor Abdul Rahman bin Uda Mohd Hashim dan silat gayong ini mula diperkenalkan di Taiping, Perak. Mula aktif pada tahun 1963 sehingga sekarang dan silat gayong ini mula tersebar di Semenanjung Tanah Melayu pada bulan mac. Pada ketika itu, Dato' Meor Abdul Rahman mengajak 8 orang gurulatih dari Kedah untuk menjelaskan ke negeri lain bagi menyebarkan ilmu silat gayong ini. mereka telah dipecahkan kepada beberapa negeri dan digilirkan mengikut arahan Dato' Meor Abdul Rahman. Permohonan bagi pendaftaran silat gayong telah dibuat oleh Dato' Onn Jaafaf dan pada 22 oktober 1963 pula pertubuhan pendaftaran itu telah diluluskan.

Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman menjadi inspirasi kepada lambang Gayong, yang dicipta oleh Pendeta Za'ba di Singapura. Satu-satunya unsur simbol Gayong yang asli ialah naga. Unsur-unsur berikut boleh didapati pada simbol Gayong. Naga adalah perwakilan kekuatan di darat dan di laut. Dalam setiap keadaan, pemahaman tentang Silat Seni Gayong adalah wajar. Harimau - Seperti kata pepatah, "Harimau menyembunyikan kukunya," menteliti seorang ahli bela diri yang bertenaga adalah seorang yang garang tetapi penyayang, tidak takut dan berhati-hati. Bulan dan Bintang - Doktrin asas adalah berdasarkan Islam. Semangat Tuah dan Jebat yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar Gayong diwakili oleh dua keris bersilang. Pedang Zulfakar bermata dua Saidina Ali, yang mempunyai dua bilah, melambangkan keberaniannya dan

kepahlawanan Panglima Islam. Kendi, atau Bejana Air, mewakili Silat Seni Gayong, di mana semua kebijaksanaan kuno dan kemahiran seni mempertahankan diri orang Melayu dikumpulkan dan mesti dipelajari oleh semua lapisan masyarakat. Bumi - Bercita-cita untuk pembangunan global silat. Bengkung Tiger Rainbow Rainbow Cula Sakti 7 – Kedudukan Mahaguru sebagai eksekutif tertinggi dari segi ilmu dan pentadbiran.

Sekiranya seorang ahli silat dapat menunjukkan tahap penguasaan yang diperlukan dalam silat gayong, murid tersebut boleh meminta kenaikan pangkat ke peringkat yang ada. Sebagai tanda kepandaian mereka, semua ahli silat akhirnya memperoleh bengkung yang diidamkan. Dato' Meor Abdul Rahman mempunyai hak milik eksklusif bentkung dengan tanduk putih (1-7), termasuk hitam (kosong), awan putih, pelangi hijau, pelangi merah, pelangi merah tinggi (1-3 tanduk), pelangi kuning, pelangi kuning tinggi (1-5 tanduk), dan pelangi harimau dengan tanduk putih (1-6).

3. RAHSIA PERLIMAU, MANDI DALAM SILAT GAYONG

Azrul Affandi Sobry, rahsia perlimalu, mandi dalam silat gayong, 31 July 2017.
<https://www.bharian.com.my/amp/hujung-minggu/lain-lain/2017/07/307203/rahsia-perlimalu-mandi-dalam-silat-gayong>

Ramai individu mempunyai tanggapan buruk terhadap adat dan budaya silat kerana mengaitkannya dengan amalan khurafat yang bertentangan dengan akidah umat Islam. Sama seperti Silat Seni Gayong, yang dipenuhi dengan pelbagai adat yang telah lama wujud antaranya upacara limau tapak, limau seni, mandi teratai, mandi minyak, dan beberapa upacara adat yang lain. Ramai individu bagaimanapun tidak menyedari hakikat bahawa tujuan utama semua teknik ini adalah untuk membiasakan seniman mempertahankan diri dengan tradisi dan budaya Melayu, yang kaya dengan simbolik dan

berbudi bahasa dalam masyarakat mereka. Samsun Putra Raja Abdul Majid, Setiausaha Persatuan Seni Silat Warisan Gayong Malaysia (PSSPGM), menjelaskan salah faham masyarakat selama ini dengan menegaskan tiada diskriminasi dalam mana-mana upacara tersebut. Setiap upacara yang diadakan kepada semua pesilat sebenarnya tidak mempunyai unsur-unsur kurafat kerana semua upacara akan dimulakan dengan menggunakan ayat suci al-Quran. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dalam silat gayong tiada amalan ataupun kepercayaan yang kurafat.

Dalam majlis perlimau, kemasukan ahli baru akan diterapkan dengan beberapa lafaz ikrar janji dan taat setia dengan melalui proses adat. Adat itu hanyalah merupakan simbolik orang melayu. Ahli baru perlu menyedikan beberapa bahan asas untuk menjalankan majlis perlimau antaranya adalah sintok, limau, asam jawa, bertih, garam, pisang dan beras. Bahan-bahan yang digunakan juga merupakan bahan yang asas digunakan oleh orang melayu dan ianya halal untuk orang islam gunakan. Prosesnya bermula dengan berdiri di hadapan guru utama iaitu Datuk Raja Abdul Majid Md Isa dengan membaca beberapa ayat suci al-Quran seperti surah Al-Fatihah, Al-Ikhlas, Al-Lahab dan selawat ke atas nabi.

Kemudiannya, melafazkan ikrar bagi ahli baru kerana mereka perlu berjanji mengaku taat dan setia sebagai anak gayong kepada Allah, Agama, Raja-Raja Melayu, pemimpin, guru, ibu bapa dan juga sesama ahli pesilat. Berkenaan dengan bahan ini juga, limau dan sintok adalah sebagai simbolik untuk membersihkan tubuh pesilat sebelum menyerahkan diri untuk mendalami ilmu silat. Makan asam jawa pula merupakan simbolik kepada ahli untuk merasakan masam sebelum menghadapi peringkat awal belajar silat sebelum merasakan kemanisan iaitu dengan makam pisang. Begitu juga dengan adat yang lain seperti mandi seni yang dibuat bagi mereka yang sudah mahu

memasuki fasa bermain senjata dalam silat. Mandi Teratai pula adalah untuk pesilat yang ingin mempelajari gerak tari teratai.

4. LEBIH 500 PESILAT BERHIMPUN PENYATUAN ANAK MURID SILAT GAYONG

Sofian Baharom, Lebih 500 Pesilat Berhimpun, Penyatuan Anak Murid Silat Gayong, diterbitkan pada 3 september 2022, 9:45PM.

<https://www.getaran.my/artikel/semasa/30212/lebih-500-pesilat-berhimpun-penyatuan-anak-murid-silat-gayong>

Perhimpunan Seirama Peringkat Antarabangsa telah diadakan di Kuala Lumpur dan seramai 500 orang pesilat dari dalam negeri dan luar negeri telah menghadiri perhimpunan tersebut. Kehadiran yang mendapat banyak sambutan dari ahli pesilat menunjukkan mereka mampunya semangat perjuangan yang sangat tinggi dalam seni silat gayong. Meskipun pada ketika itu cuaca tidak mengizinkan tetapi perkara itu tidak menjadi penyebab kepada ahli silat untuk tidak menghadiri perhimpunan itu. Mereka tidak berganjak untuk pulang dari perhimpunan itu walaupun ketika itu hujan turun dengan lebat. Perhimpunan tersebut diadakan di padang Sekolah Menengah Kebangsaan(SMK) Agama Kuala Lumpur yang ditinjau oleh Allahyarham Mahaguru Datuk Meor Abdul Rahman Uda Mohd Hashim. Pihak Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia (PSSPGM) telah menganjurkan perhimpunan tersebut dan telahpun dirasmikan oleh Yang Dipertua Datuk Mohd Hanif Koslan.

Gerakan di dalam silat merupakan simbolik kepada penyatuan anak murid silat. Semasa perhimpunan tersebut mereka perlu mempamerkan satu gerakan yang sama melalui persembahan teknik bela diri dan permainan yang sama meskipun pentadbirannya yang tidak sama. Perkara ini sekali gus dapat mengeratkan lagi hubungan diantara ahli

Aliran Seni Silat (ADMAR). Seni bela diri ini telah disertai lebih daripada lima juta anak murid gelanggang gayong dari dalam dan luar negara yang telah menyertainya sejak daripada 80 tahun dahulu. Perkara ini jelas menunjukkan pasti ada pelbagai ragam dan siakap yang wujud di dalam silat gayong. Tetapi kata Mohd Hanif, beliau percaya bahawa dalam kepelbagaian ini pasti ada banyak persamaan kerana kita mempelajari gerak langkah yang sama, mengatur gerak geri yang sama yang bergerak selangkah seirama. Dengan adanya perhimpunan ini sememangnya jelas memperlihatkan yang kita dapat mencari titik persamaan dalam silat gayong untuk kita meneruskan perjuangan yang telahpun diajar oleh Meor Abdul Rahman sendiri.

5. BELAJAR SILAT UNTUK TINGKAT KEYAKINAN DIRI

Murnaena Muhammad Nasir, belajar silat untuk tingkat keyakinan diri, Rabu, 12 April 2023, 7:32am. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/646413/belajar-silat-untuk-tingkat-keyakinan-diri>

Berdasarkan akhbar harian metro ini pada awalnya keluarganya tidak menyokong keputusan beliau untuk belajar silat kerana mereka percaya bahawa silat adalah sukan yang agak agresif bagi seorang wanita, kata Sarah Afiqah Mohd Fadzil, ahli Persatuan Silat Gayong Malaysia (PSSGM) dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berumur 22 tahun pada ketika itu. Beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat ijazah dalam bidang farmasi di UMP dan juga penuntut teknologi kejuruteraan berkata, dia sudah lebih empat tahun mempelajari seni mempertahankan diri. Pada mulanya keluarganya menentangnya, tetapi sebaik sahaja dia menjelaskan mengapa dia belajar mempertahankan diri, mereka akhirnya faham tentang ilmu mempertahankan diri dan sejak dari itu keluarganya menyokong beliau untuk terus mempelajari silat. Beliau mempelajari seni mempertahankan diri ini untuk menjaga maruah saya dan meningkatkan keyakinan dirinya.

Pada mulanya beliau mempelajari seni silat gayong ini, beliau menganggap silat ini hanya sebagai satu ilmu untuk mempertahankan diri sahaja tetapi sebaliknya seni silat gayong ini juga dapat membentuk disiplin dan jati diri individu terutamanya golongan muda. Aktiviti silat gayong ini juga boleh dijadikan sebagai satu riadah bagi golongan muda yang ingin memenuhi masa lapang mereka. Bukan itu sahaja, dalam seni silat gayong ini segala latihan yang dijalankan mesti akan bermula dengan doa dan di hujung latihan pula akan ditutup dengan sedikit tazkirah dan bacaan ayat suci al-Quran untuk menyuntik nilai-nilai murni dalam diri sekligus dapat mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Bagi penggunaan dan penerapan silat pula ianya tidak selalu digunakan untuk menjaga diri dalam pergaduhan kerana pada zaman sekarang tidak ramai orang yang ingin bergaduh. Sebaliknya, silat ini digunakan untuk hal-hal yang berhubung dengan kehidupan harian. Contohnya, apabila kita jatuh kita akan dapat menyelamatkan diri kerana adanya tindakan rifleksi hasil daripada latihan di dalam silat. Kita sendiri dapat menolong diri kita sekiranya kita berada di dalam kesusahan. Di dalam silat juga kita dapat mengeratkan lagi hubungan kita dengan Allah S.W.T kerana di dalam silat juga ada mengajar kita tentang itu. Sebagai contoh, sebelum memulakan latihan mereka perlu membaca dan menghafal surah yang telah ditetapkan. Dari sini kita dapat lihat dengan lebih jelas bahawa silat ini tidak membawa kita kepada benda-benda yang khurafat seperti yang difikirkan oleh orang diluar sana yang berfikiran buruk tentang silat malahan di dalam silat ini jelas mengajar kita bukan hanya sekadar ilmu mempertahankan diri malah ilmu agama juga.

Disamping itu, pada pendapat saya silat ini boleh dijadikan sebagai salah satu olah raga. Ini kerana di dalam silat ada melakukan gerakan-gerakan untuk menggerakkan sistem badan bagi menjaga kesihatan jasmani. Selain daripada itu, terdapat juga latihan

untuk melatih otot-otot tubuh badan sama seperti di dalam olahraga dan silat. Silat juga mengajar kita bagaimana untuk menjaga jantung dan paru-paru dengan latihan pernafasan sebelum memulakan silat. Perkara ini jelas menunjukkan silat ini merupakan satu aktiviti yang sihat. Sebagai contoh, sebelum mampulakan latihan pesilat perlu melakukan pemanasan badan dahulu sama juga seperti bersukan. Kemudian barulah pesilat memulakan aktiviti latihan. Perkara ini bagi mengelakkan daripada berlakunya kekejangan otot. Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa silat ini mampu memberikan kesihatan yang baik kepada kita semua.

6. MASYARAKAT CAKNA MEMPERTAHANKAN WARISAN SILAT SENI GAYONG

Rabi'Ahtuladawayah, Masyarakat cakna mempertahankan warisan silat seni gayong, 29 Julai 2022, 11.39. <https://dewanbudaya.jendeladb.my/2022/07/29/2570/>

Berdasarkan berita akhbar yang bertajuk masyarakat cakna mempertahankan warisan silat seni gayong, satu gelangan telah diwujudkan hasil daripada usaha penduduk yang menyedari bahawa ilmu silat gayong ini dapat dipelajari dan segala ilmunya dapat diwarisi oleh golongan orang ramai pada masa sekarang terutamanya golongan muda. Cikgu Mat Tahir Jasmani berusia 74 tahun merupakan pengasas gelanggang Silat Seni Gayong Malaysia Cawangan Bangsar ada mengatakan bahawa silat gayong ini perlu diperluaskan lagi kepada anak-anak tidak kira usia dimanapun kita berada supaya pesilat dapat melakukan silat dengan berterusan sekaligus dapat mengekalkan silat gayong. Beliau juga ada menegaskan bahawa silat gayong ini merupakan satu aktiviti yang dapat membina jati diri seseorang terutamanya kepada ahli pesilat sendiri. Pada tahun 2014 tubuhnya gelanggang seni silat gayong Malaysia Singa Berantai di cawangan Bangsar seramai 150 oran pesilat telah mewarisi seni silat gayong ini. terdapat juga 30 anak pesilat gayong yang menyertai rutin harian latihan silat gayong.

Aktiviti silat ini juga dapat menarik minat anak-anak kecil untuk menyertainya. Mereka memberi tumpuan yang sangat baik semasa sesi latihan silat diadakan.

Hariz Daniel, melahirkan rasa syukur kerana diberi peluang untuk mempelajari seni mempertahankan diri dan keinginannya untuk menjadi seorang ahli silat yang berani dan cemerlang suatu hari nanti. Muhammad Adam Daniel, 16 tahun, ada menegaskan remaja boleh membina disiplin dan rasa menghargai setiap detik dengan menguasai seni silat khususnya silat seni gayong. Perkara ini juga jelas memperlihatkan seni silat gayong ini mampu melahirkan insan-insan yang baik tingkah laku dan abad sopannya kerana mereka mempelajarinya dari kecil di dalam silat gayong ini.

7. MARTABATKAN SENI SILAT WARISAN MELAYU

Nurul Izzah Aisa, Martabatkan seni silat warisan melayu, 22 Januari.
<https://www.nadibangiukm.com/post/martabatkan-seni-silat-warisan-melayu>

Silat merupakan satu bentuk pertempuran yang melibatkan penggunaan ketangkasan untuk menyerang dan mempertahankan diri. Dalam soal mempertahankan diri, ada beberapa ilmu persilatan yang patut kita kenali antaranya silat cekak, silat gayong, silat lincah, silat sendeng, gekar kilat, dan silat pulut. Oleh kerana hubungannya dalam masyarakat Melayu, silat dahulunya dianggap sesuai, dan mereka yang berpengetahuan tentang ilmu di belakangnya dikenali sebagai "penderkar." Teknik mempertahankan diri ini sebenarnya diperdebatkan untuk mengukur kemahiran ahli silat yang bertanding.

Siapa yang tidak kenal dengan ahli silat negara kita, Al Jufferi Jamari. Dalam persilatan silat, beliau telah memenangi empat kejuaraan dunia. Sebaik menamatkan Kejohanan Silat Dunia 2022 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) tahun lalu, beliau mengumumkan persaraan. Sejak berusia dua tahun, Al Jufferi meminati seni

mempertahankan diri. Bapanya, Jamari Dirun, menghantarnya untuk kepentingan dirinya semasa membesar dan juga memastikan warisan Melayu tidak luntur ditelan zaman. Pencapaian beliau telah memberi inspirasi kepada semua rakyat Malaysia untuk mengamalkan seni silat. Kemenangan ini bukan sahaja mengharumkan nama negara, malah turut mengangkat martabat Melayu dan silat.

Silat merupakan satu aktiviti yang yang tidak akan ketinggalan zaman. Perkara ini kerana kita dapat lihat sendiri silat ini diperlukan oleh sesiapa yang mempelajarinya kerana silat ini bukan saja mengajar kita ilmu mempertahankan diri malah dengan silat membuatkan kita untuk lebih mengingati Allah SWT. Kita dapat lihat juga di dalam silat ada menggunakan alatan senjata pada zaman dahulu seperti keris, pedang, parang dan juga kerambit tetapi ini tidak menjadi alasan untuk seni silat ini lapuk ditelan zaman. Che Mohd Hanif Che Deraman merupakan setiausaha Persatuan Selat Seni Gayong (PSSPGM) Negeri Kelantan ada berkata mengenai silat ini. silat mempunyai banyak cara untuk menaikkan namanya dan menarik lebih ramai lagi individu atau masyarakat untuk melibatkan diri mereka dalam silat dengan cara berkongsi maklumat tentang seni silat ini di dalam media sosial seperti Facebook, YouTube, TikTok dan juga sebagainya. Hal ini kerana media sosial sekarang menjadi medan utama untuk orang ramai melihat berita-berita yang terbaru. Dengan adanya inisiatif seperti ini kita dapat meningkatkan lagi minat atau menarik orang ramai untuk menyertai dan mengokong seni silat ini.

Di dalam era yang serba moden ini, kita dapat lihat masih ramai masyarakat yang bertanya tentang pentingkah seni silat ini kepada masyarakat itu sendiri. Perkara ini dijawab sendiri oleh Che Mohd Hanif dengan mengatakan seni silat ini merupakan satu pelajaran yang wajar dipelajari oleh masyarakat kerana ia merupakan ilmu mempertahankan diri yang perlu dipelajari oleh masyarakat bagi memastikan mereka dapat hidup dalam keadaan yang selamat sekiranya mereka diancam. Bukan itu sahaja,

dengan mempelajari silat juga mampu membuatkan mereka lebih berdisiplin dalam kehidupan sehari-hari mereka.

8. 1000 PESERTA BAKAL SERTAI KEJOHANAN TERBUKA SILAT GAYONG

Puncak Jalil, 1000 peserta bakal sertai Kejohanan Terbuka Silat Gayong Malaysia, 31 August 2022.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/46152-1-000-peserta-bakal-sertai-kejohanan-terbuka-silat-gayong-malaysia>

Seramai 1000 peserta bakal sertai kejohanan terbuka silat gayong Malaysia telah menyertai kejohanan terbuka silat ini yang diadakan di Ara Damansara pada 9 hingga 20 September yang lalu. Di dalam kejohanan ini, mereka memfokuskan kepada corak persembahan dan silibus pembelajaran dalam silat gayong. Kata, Rizal Husin (Guru Latih Kanan, Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia (PSSPGM), kejohanan ini juga terbuka kepada penggiat seni lain selain daripada seni silat gayong yang berada dalam kategori corak persembahan. Bukan itu sahaja, dari segi pemarkahan mereka menilai sejauh mana ahli silat menyampaikan keaslian silat itu sendiri. Perkara itu dilihat kerana pertandingan ini bercorakkan persembahan.

Mereka yang melakukan kejohanan silat ini sebenarnya mereka mahu kembalikan identiti silat yang asli itu sendiri. Selain itu, satu kategori baharu telah diperkenalkan iaitu pra kanak-kanak yang berusia 9 tahun ke bawah. Kejohanan kali ini jelas menunjukkan, mereka ingin menampakkan semula identiti silat itu dengan cara yang lebih luas dan menambahkan lagi kategori umur yang boleh menceburi aktiviti silat ini.

Silat gayong merupakan silat yang boleh diceburi oleh semua peringkat umur tidak tua atau muda. Bagi kanak-kanak yang menyertai silat sejak kecil perkara ini

memberi banyak kebaikan dalam dunia silat. Hal ini berlaku demikian kerana apabila mereka telah dewasa nanti mereka addlah orang-orang baharu yang akan dapat mengorak langkah ke dalam dunia silat dengan lebih luas lagi. Melalui kejayaan mereka kitab oleh memberikan penghargaan hasil daripada titik peluh mereka untuk mempelajari dan menceburkan diri mereka dalam seni silat.

Seterusnya, melalui kejohanan silat juga kita dapat memupuk dan menggalakkan lagi perkembangan silat. Dalam silat kita dapat lihat nilai-nilai yang ada dalam silat tersebut seperti nilai kepimpinan dan semangat kesukanan. Perkara ini kerana sorang pesilat yang hebat mereka perlu mempunyai pimimpin yang hebat untuk memimpin mereka menjadi sorang pesilat yang hebat. Bagi seorang pemimpin pula, beliau perlulah mempunyai pengalaman dan kemahiran yang lebih bagi membolehkan beliau mengajar orang-orang dibawah beliau. Seorang murid yang hebat semestinya mempunyai pemimpin yang hebat. Dalam hal ini jelas menunjukkan silat ini memberi banyak kebaikan kepada seluruh masyarakat.

9. KEJUARAN PENCAK SILAT PERWIRA 2023

Kejuaraan pencak silat perwira 2023 berlangsung meriah dan berjaya di Centro Mall, Klang.

<https://www.majalahpama.my/kejuaraan-pencak-silat-perwira-2023-berlangsung-meriah-berjaya-di-centro-mall-klang/amp/>

Berdasarkan hasil bacaan di dalam majalah Pa&Ma ini terdapat beberapa buah sekolah, syarikat dan kelab yang telah menganjurkn kejuaraan Pencak Silat Perwira 2023 ini. Antaranya adalah anjuran daripada Gayong Taman Khalid (GTK), SK Bukit Kemuning 2 dan Centro Mall, Klang dan Kerjasama Kelab Silat Olahraga GTK, Bukit Bintang, Keluarga, Pa&Ma, UR Munchys dan Farm Fresh turut mendapat izin dari

Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia Kebangsaan (PSSGMK) Daerah Serating dan PESAKA Negeri Selangor. Kejuaraan Pencak Silat Perwira 2023 ini juga telah dirasmikan dan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr Haji Irmohizam din Haji Ibrahim. Beliau merupakan pengarah urusan kumpulan world trade centre Kuala Lumpur (WTCKL).

Persediaan awal dalam kejuaraan ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada semua peserta silat yang terlibat bagi memberikan mereka ruang untuk membuat persiapan menyertai kejuaraan sirkit 1 sekolah 1 silat 2023 dalam acara silat seni dan silat olahraga. Kejuaraan silat ini adalah berkonsepkan perlawanan persahabatan. Kejuaraan ini juga adalah sebagai salah satu usaha untuk menyemarakkan semangat muhibah antara gelanggang silat. Terdapat 6 kategori yang dimainkan bagi lelaki dan perempuan iaitu tunas harapan, tunas, pra dini, dini, pra remaja dan remaja. Seramai 250 pereta yang telah menyertai kejuaraan pencak silat perwira ini.

Tujuan Kejohanan Pencak Silat Perwira 2023 diadakan adalah untuk memberi tempat kepada murid-murid Gelanggang Gayong Taman Khalid (GTK) dan SK Bukit Kemuning 2 mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dalam Kejohanan Sirkit 1 Silat 1 Sekolah 2023. Sebanyak 13 pasukan bertanding pada kejohanan ini mewakili tiga negara berbeza. 13 pasukan terlibat dari tiga negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya antaranya pesilat dari Gelanggang Gayong Taman Khalid (GTK), SK Bukit Kemuning 2, Seksyen 7 Shah Alam, SK Bukit Kuda, SK Taman Kosas, SMK Taman Kosas, LV Fighters PLKU, Akademi Penchak Malaysia, Putrajaya Presint 11, KRTS Hulu Selangor, GALD. Kami juga boleh melatih pengamal untuk menjadi lebih berani, lebih berkuasa, dan lebih yakin dengan kemahiran mereka sendiri melalui kajian perlawanan silat. Mereka juga akan dapat mempelajari teknik asas semasa.

Langkah yang lebih bijak telah diambil oleh pihak mengurusan Gayong Taman Khalid dan SK Bukit Kemuning 2 dengan mempelajari segala bidang pengurusan untuk mendapatkan pengalaman dan kerjasama pasukan supaya mereka dapat menjalinkan hubungan yang lebih erat. Selain itu, dalam mempelajari atau melatih silat ini juga kita sebenarnya akan dapat memberikan lebih inspirasi kepada supaya pesilat akan lebih berdikari, positif, sabar dan berani dalam menempuh segala cabaran. Sebagai soorang pesilat juga perlu mempunyai keyakinan yang tinggi dan jadi diri yang baik bagi menempuh pihak lawan. Sekiranya pesilat tidak mempunyai keyakinan mereka tidak akan dapat untuk meneruskan perlawanan dengan baik. Perkara ini akan memberi kesan yang buruk kepada pesilat dan pesilat akan senang untuk dikalahkan. Melalui kejohanan ini juga dapat memberi kepuasan kepada banyak pihak kerana pengurusan setiap pasukan dapat dilakukan dengan baik. Mereka mampu memberi layanan yang baik dan pengurusan yang cemerlang dalam menguruskan pesilat. Sepanjang kejohanan ini juga mereka dapat melahirkan dan mengembangkan lagi bakat-bakat yang ada dalam diri setiap individu untuk bersilat. Sekiranya kejohanan seperti ini tidak dilakukan, silat gayong mungkin tidak akan dikenali ramai dan kita juga tidak dapat melahirkan pesilat-pesilat yang baru.

Dari segi fasiliti dan komitmen pihak urusetia juga telah mendapat banyak pujian daripada pelbagai pihak kerana mereka telah melengkapkan fasiliti yang ada dengan baik dalam menjayakan kejohanan pencak silat ini. Pihak yang telah banyak membantu dalam kejohanan ini juga telah merancang untuk melakukan anjuran bagi kejuaraan pencak silat peringkat antarabangsa pula. Mereka juga akan berusaha untuk menjemput lebih ramai lagi negeri-negeri untuk menyertai kejuaraan silat ini. Dalam hal ini, kita dapat lihat dengan lebih jelas lagi silat gayong ini akan terus dijaga dan tidak ketinggalan zaman.

kita juga akan dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat untuk menyertai silat gayong ini memandangkan silat ini dapat memberi banyak manfaat yang baik kepada kita semua.

10. PESILAT MENGAMUK DI MAJLIS PERKAHWINAN

Seni Silat Gayong Sarawak, Pesilat Mengamuk di majlis Perkahwinan, 5 Jun 2020.

<https://youtu.be/zcomdfSsh6>

Berdasarkan video yang diterbitkan oleh seni silat gayong Sarawak yang bertajuk pesilat mengamuk di majlis perkahwinan ini ada menunjukkan persembahan semasa menyambut pasangan pengantin. Video ini berdurasi 1 minit 57 saat. Persembahan silat gayong ini dipersembahkan semasa tibanya pasangan pengantin di dalam majlis perkahwinan itu. Pasangan pengantin dan tetamu yang hadir akan dipersembahkan dengan silat gayong sebelum kedua pasangan pengantin melakukan adat persandingan dan makan beradab. Dalam persembahan tersebut, pesilat akan mempersembahkan silat yang dipelajari oleh mereka. Sebagai contoh silat pembuka gelanggang. Perkara ini menjadi wajib sebelum pesilat meneruskan silat dengan mempersembahkan cara silat yang lain.

Rakaman video silat gayong ini menunjukkan pesilat sedang bermain silat gayong asas elakan dan elak pukulan. Di dalam ilmu ini mengajar cara seseorang untuk membela dan mengelak diri. Setiap pesilat tidak hanya boleh leka untuk mengelak serangan sahaja tetapi perlu mengelak secara kemas sekaligus menyerang dengan pantas. Bagi cara dan gaya untuk mengelak dan menyerang pula ianya terpulang kepada rentak yang dimainkan. Perlawan akan berakhir sekiranya pihak salah sorang pesilat tidak dapat mengelak atau menyerang lawanya lagi. Setiap pesilat perlulah peka supaya pihak lawan tidak dapat mengalahkan mereka.

Persembahan silat dalam majlis perkahwinan ini dilakukan bukan dengan lakonan tetapi ianya dilakukan dengan tindakan yang sebenar. Sekiranya serangan yang diberikan tidak dielakkan ianya boleh berlaku pertumpahan darah. Perkara ini juga harus diambil erat oleh penonton atau tetmu yang hadir ketiga majlis perkahwinan tersebut. Perkara ini bagi mengelakkan supaya orang sekeliling tidak tercedera. Pesilat akan kehilangan kawalan apabila mereka terus diserang oleh pihak lawan. Mereka akan kehilangan kawalan ataupun lemah sekiranya mereka terus dipukul. Dalam hal ini keselamatan pesilat dan penonton juga penting bagi megelakkan kecederaan.

C. KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kajian berkaitan silat gayong yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Tetapi, pengkaji telah mendapati bahawa kajian berkaitan dengan Persembahan Silat Gayong di dalam Acara Majlis Perkahwinan Masyarakat Kedah masih tiada lagi kajian yang dijalankan setelah membuat pembacaan dan kajian literatur terhadap objek yang dikaji. Dengan adanya sorotan kajian lepas ini juga dapat membantu menambahkan lagi ilmu pengetahuan kepada pengkaji. Pengkaji juga boleh menggunakan hasil sorotan kajian lepas tersebut sebagai bahan bacaan sepanjang kajian ini dilakukan.

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi penyelidikan adalah kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menyiapkan kajiannya terhadap Seni Silat Gayong di Kedah. Metodologi penyelidikan ini dilakukan supaya objektif kajian dapat dicapai dengan jayanya.

Metodologi penyelidikan yang pertama digunakan oleh pengkaji adalah dengan menentukan topik kajian dan objek kajian. Pengkaji mendapatkan topik dan objek kajian yang sesuai dengan bidang elektif pengkaji iaitu seni persembahan. Pembacaan juga dilakukan untuk mengenalpasti objek dan topik kajian yang bersesuaian dengan objektif kajian. Dalam silat gayong ini masih ada ramai masyarakat yang menyertai silat ini dari pelbagai peringkat umur. Begitu juga dengan tokoh-tokoh hebat yang terdapat dalam silat gayong yang banyak memberi inspirasi kepada pesilat kini untuk meneruskan seni silat gayong ini. Oleh itu, pengkaji memilih silat gayong sebagai objek kajiannya kerana ianya akan lebih mudah untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajiannya. Pengkaji boleh mendapatkan maklumat serta data bila masa sahaja kerana temmpat untuk pengkaji melakukan kajian adalah di Kawasan tempat asal pengkaji tinggal. Tambahan pula, pengkaji sendiri telah menemukan satu penubuhan Persatuan Seni Silat Puasaka Gayong Malaysia yang ada di Kedah.

Bagi mengukuhkan lagi kajian ini, pengkaji membuat kajian mengenai persembahan silat gayong di Kedah kerana di Kedah silat yang terkenal dan dikelai ramai adalah silat gayong. Disebabkan itu, pengkaji memilih silat gayong sebagai objek kajian. Pengkaji akan menghuraikan lagi dan mendapatkan data bagi mengatasi segala permasalahan dalam kajian ini.

Langkah seterusnya ialah mengumpul maklumat mengenai topik dan objek kajian, sama ada melalui sumber sekunder atau temu bual primer. Data primer merujuk kepada maklumat yang akan dikumpul melalui kajian penyelidikan sedia ada mengenai objek dan topik kajian yang diminati. Pembacaan ini bertujuan untuk menunjukkan bahawa tiada kajian terdahulu telah dijalankan mengenai subjek yang sedang dijalankan.

Temu bual dengan ahli asal Persatuan Seni Silat Gayong di Kedah juga akan diadakan bagi memberikan pengkaji data sekunder. Matlamat mengumpul sumber sekunder ini adalah untuk mengesahkan ketepatan dan kejelasan maklumat yang diperoleh daripada sumber utama. Perkara ini dilakukan untuk menjamin bahawa tiada sesiapa yang menambah atau menukar mana-mana data yang diproses.

Bagi memudahkan lagi hasil dapatan kajian pengkaji, sebelum pergi untuk menemu bual pengasas silat gayong ini pengkaji akan membuat senarai terlebih dahulu soalan yang berkaitan dengan topik kajian yang dipilih. Semua soalan yang telah disediakan akan diajukan kepada pengasas silat tersebut agar kajian ini dapat dilengkapkan dengan jayanya. Pengkaji juga akan menemu bual beberapa individu lain yang berada di kawasan latihan silat ataupun kepada peserta silat bagi menambahkan lagi hasil dapatan kajian. Pengkaji juga akan merakamkan perbualan tersebut bagi memastikan maklumat yang diperoleh tidak diulang sepanjang proses menyiapkan penulisan kajian. Dalam hal ini juga, pengkaji akan menyediakan bahan elektronik seperti kamera atau telefon bimbit bagi menangkap gambar dan merakam video. Buku nota dan juga pen akan dibawa oleh pengkaji bagi mencatat maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Seterusnya adalah kaedah menganalisis data. Hasil data-data yang diperoleh dan dikumpul oleh pengkaji sebelum ini akan dikumpul dan dianalisis. Data primer dan data sekunder akan digabungkan untuk dianalisis sebelum melakukan huraian terhadap topik

kajian iaitu Persembahan Silat Gayong dalam Masyarakat Kedah. Pengkaji akan memahami data yang didapati bagi memudahkan pengkaji untuk menghuraikan data dengan betul.

Langkah seterusnya dalam projek penyelidikan ialah menghuraikan data. Setelah data dianalisis, penyelidik akan menulis laporan ilmiah yang menerangkan tentang hasil dapatan data. Mengikut kerangka standard tesis, pengkaji akan menulis hasil dapatan kajian beliau mengenai Persembahan Silat Gayong dalam majlis masyarakat Kedah.

Bentuk kemuncak penulisan ini ialah penulisan ilmiah, kadangkala dikenali sebagai tesis. Pengkaji akan menyelesaikan tesis ini dengan mendokumentasikan semua data yang dikumpul melalui prosedur yang dinyatakan di atas. Encik Aswawi bin Isa, penyelia projek, memastikan tesis disediakan dalam format yang betul. Dalam mencipta tesis ini, beliau telah menjadi penyumbang utama. Pengkaji juga akan menyemak plagiarisme untuk menjamin tiada unsur plagiat ditemukan. Pengkaji telah menyemak hasil penulisan dengan menggunakan aplikasi turnitin.

Kesimpulannya, melalui metodologi yang dibuat oleh pengkaji ini akan membantu dalam memudahkan pengkaji bagi penyiapkan tugas ini. Kesemua kaedah yang sigukan disusun dengan teratur bagi memastikan perjalanan untuk menyiapkan penulisan ini dapat berjalan dengan lancar melalui penentuan objek kajian, mendapatkan data, menganalisis data dan menghuraikan data bagi menyelesaikan penulisan tesis ini.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

A. PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan. Selain daripada menggunakan sumber sekunder untuk mendapatkan maklumat terdapat sumber lain juga digunakan untuk memperoleh maklumat. Antaranya adalah memperoleh maklumat melalui sumber rujukan internet dan kepustakaan. Pengkaji juga ada melakukan kaedah data primer dengan cara pengkaji turun ke lapangan kajian untuk menemu bual pengasas silat gayong di Kedah sendiri. Hasil daripada kaedah di atas, pengkaji dapat menerangkan kesemua objektif yang terdapat di bab 1. Kesemua maklumat yang diperoleh akan diterangkan di dalam bab ini dengan lebih jelas dan teratur.

B. TEMU BUAL



Pengkaji telah melakukan lawatan di tempat latihan gayong diadakan iaitu di Sungai Petani, Kedah. Pengkaji telah menemu ramah seorang guru silat gayong. Beliau

bernama Shahirah Kartini binti Meor Abdul Rahman. Berumur 50 tahun dan beliau merupakan anak kepada Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman hasil daripada perkahwinan kedua. Puan Shahirah Kartini mula bergiat dalam silat gayong ini sejak dari kecil lagi. Beliau sendiri juga mempelajari silat gayong ini dan terus mendalami ilmunya. Hasil daripada temu bual bersamanya, pengkaji ada menanyakan beberapa soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Pengkaji juga ada bertanyakan tentang beberapa info tambahan berkaitan dengan silat gayong.

C. Apakah latar belakang dan Sejarah silat gayong di Kedah.

Melalui kaedah kepustakaan, silat gayong adalah seni bela diri Melayu yang memiliki akar Sejarah yang kaya di Kedah. Sejarahnya bermula dengan penyebaran Islam di wilayah tersebut di mana silat dianggap sebagai satu-satunya cara untuk melindungi agama dan wilayah. Selain itu, pengaruh daripada Islam juga memainkan peranan penting dalam perkembangan Gayong di Kedah. Silat Gayong ini terus berkembang seiring dengan Sejarah dan kebudayaan yang menjadi sebahagian daripada warisan seni bela diri Melayu.

Berdasarkan hasil temubual bersama Puan Shahira latar belakang dan Sejarah silat gayong di Kedah ini berasal daripada Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman sendiri. Beliau telah mewujudkan silat gayong di Kedah setelah beliau menamatkan pekerjaannya di Singapura. Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman telah mengangkat nama silat gayong ini bersama dengan kekandanya iaitu Allahyarham Syed Zainal Al-Attas. Mereka berdua telah berjaya melahirkan ramai mahaguru yang berpengalaman di dalam silat gayong ini. Allahyarham telah menurunkan ilmu silatnya kepada anak-anak beliau. Antara salah satu anaknya yang mewarisi silat gayong ini adalah Puan Shahirah sendiri.

Puan Shahirah bersama ramai lagi individu yang mahir dalam silat telah mengambil ilmu silat yang ditinggal oleh Allahyarham Dato' Meor sendiri untuk mengajar masyarakat lain yang minat akan ilmu silat ini. Kini, telah ramai mahaguru yang terdapat dalam silat gayong ini. Perkara ini membawa impak yang baik untuk kita terus memperkenalkan silat gayong ini dengan lebih meluas.

Menurut anak kepada pengasas silat gayong ini iaitu Puan Shahirah, beliau mengatakan bahawa silat gayong di Kedah ini asalnya dari Allahyarham Dato' Meor sendiri. Pusat latihan tertinggi Allahyarham Dato' Meor pada masa itu adalah di Air Kuning, Taiping Perak. Semasa zaman Allahyarham Dato' Meor beliau mempunyai tapak pertapaan di Bukit Larut. Tempat kelahiran Allahyarham Dato' Meor pula di Taman Tasik Taiping. Sebelum Allahyarham Dato' Meor berpindah ke Taiping beliau merupakan seorang anggota polis di Singapura. Beliau merupakan orang pertama yang membuka silat gayong di Kedah ini. Sebelum adanya nama gayong ini, silat gayong dikenali sebagai pasak dan ianya telah didaftarkan di bawah nombor pendaftaran iaitu 361. Pendaftaran ini dilakukan oleh Allahyarham Dato' Meor sendiri setelah beliau kembali berpindah balik ke pusat latihan di Air Kuning.

Seni silat ini sebenarnya banyak, tetapi pada asalnya dalam banyak-banyak pertubuhan silat gayong Malaysia silat gayong merupakan silat pertama yang mula ditubuhkan. Selepas itu barulah berpecah kepada silat-silat gayong yang lain mengikut mahaguru sendiri. Perkara ini kita dapat lihat dari logo silat gayong yang telah dicipta oleh Mahaguru silat gayong sendiri iaitu Allahyarham Dato' Meor. Menurut Puan Shahirah, melihat secara pandangan mata kasar kalau kita lihat logo silat gayong dahulu dan kini mungkin sama. Tetapi bagi mereka yang pakar dalam bidang ini, mereka akan nampak perbezaan logo silat gayong dahulu dan sekarang. Logo silat gayong pada zaman dahulu terdapat dua naga iaitu menandakan Allahyarham Dato' Meor bersama dengan

kekandanya iaitu Allahyarham Syed Zainal Al-Attas. Setelah kemangkatan kekanda Allahyarham Dato' Meor, logo tersebut telah diubah dengan membuang satu ekor naga pada logo silat gayong tersebut. Kini hanya terdapat hanya seekor naga pada logo silat gayong Malaysia. Di dalam logo gayong Malaysia ini terdapat makna tersendiri. Tetapi, menurut Puan Shahirah logo silat gayong dua naga ini sampai sekarang masih ada yang menggunakan. Kalau kita lihat silat gayong serantau yang berasal dari mahaguru Allahyarham Dato' Meor sendiri tetapi bukan mahaguru yang membukanya mereka masih menggunakan logo yang terdapat dua naga tersebut. Perkara ini jelas menunjukkan bahwa tidak semua orang dapat tahu dengan lebih dalam tentang silat gayong sekiranya mereka tidak mempejari atau mengambil tahu tentang silat gayong ini. Silat gayong di Kedah ini juga semakin ramai yang mengenalinya kerana jasa Allahyarham Dato' Meor yang mewarisi kepakarannya dalam bidang silat kepada anak-anak muridnya yang kini berjaya mengekalkan silat gayong di Kedah.

Di Kedah, silat gayong ini dijaga di bawah satu badan iaitu dikenali sebagai Pusaka. Pusaka ini terdiri daripada 4 pendiri. Di setiap negeri ianya mempunyai 4 pendiri yang lain. 4 pendiri ini merupakan silat yang berlainan iaitu bukan hanya silat gayong tetapi juga silat-silat yang lain. Di Kedah, silat ini digabungkan dengan silat yang lain, kita dapat lihat silat singa berantai dan selendang merah yang digabungkan di bawah nama silat. Sudah hampir 20 tahun silat ini digabungkan kerana ianya berada dibawah satu naungan yang sama. Perkara ini kita dapat lihat dengan lebih jelas lagi apabila kita melihat perlawanan silat. Sebagai contoh silat gayong dan silat singa berantai ianya berbeza tetapi berada di bawah satu naungan yang sama.

Melalui kaedah pemerhatian pula pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pengkaji dapat melihat sendiri bagaimana persediaan sebelum pesilat memulakan majlis perlimau tapak dan seni berlangsung. Bukan itu sahaja, pengkaji juga dapat melihat sendiri

bagaimana penyediaan dan persediaan majlis mandi minyak untuk pesilat. Akhir sekali, pengkaji menyimpulkan di sini bahawa penggiat-penggiat silat gayong ini berharap agar seni silat gayong ini akan terus berkembang dengan lebih maju supaya generasi akan datang dapat melihat sendiri keaslian yang terdapat dalam silat gayong ini.

D. Apakah pergerakan yang terdapat dalam seni silat gayong.

Pergerakan dalam silat gayong memainkan peranan penting dalam melatih kecekapan fizikal dan mental. Gabungan gerakan kuda-kuda, tangkapan tangan dan teknik serang bertujuan untuk memberi keberkesanan dalam mempertahankan diri. Selain itu pergerakan dalam silat gayong juga ada menitikberatkan kepada kelenturan, kecekapan serangan yang pantas bagi menjadikan seni bela diri yang dinamik dan konprehensif. Menurut Puan Shahirah juga, pergerakan dalam gayong Malaysia ini lebih kepada mantap dan kemas. Bukan sahaja mantap dari segi seni tetapi kita boleh lihat perbezaan dari aras pertama hingga ke peringkat atas. Pelajaran di bawah silibus aras ini menerapkan ketegasan disiplin dan yang lain-lain.

Berdasarkan hasil pemerhatian dan kepustakaan, pergerakan di dalam silat gayong ini banyak antaranya adalah gerakan serang. Gerakan ini menfokuskan kepada teknik serangan kepada pihak lawan dengan cara lebih cepat dan efektif. Gerakan pertahanan pula merupakan teknik untuk mempertahankan diri daripada pihak lawan. Selain itu, pergerakan pergelangan yang melibatkan pergerakan tangan dan pergelangan yang licin dan juga pantas. Gerakan putaran digunakan untuk mengelak daripada serangan lawan dan posisi diri dengan serangan balas. Gerakan lemparan pula melibatkan teknik melempar lawan ke arah yang dikehendaki. Seterusnya, gerakan tangkapan yang menggunakan teknik untuk menangkap dan mengawal lawan secara fizikal. Gerakan

serangan bertingkat pula merupakan gerakan serangan yang dilakukan untuk mengecoh pihak lawan. Disamping itu juga terdapat gerakan serangan pelbagai posisi, gerakan kombinasi dan gerakan serangan lawan yang memainkan teknik lawan untuk menambah kejutan, meningkatkan keberkesanan dan meningkatkan reaksi dan ketangkasan pihak lawan. Oleh itu, di dalam pergerakan ini kita dapat lihat sebahagian daripada sistem silat gayong yang komprehensif dan sering kali dipelajari melalui latihan yang berulang dan mempunyai bimbingan jurulatih.

Menurut Puan Shahirah, pergerakan di dalam gayong ini mengikut kepada jenis-jenis silat. Di Malaysia kita ada silat cekak, silat lincah, silat gayong dan banyak lagi jenis silat yang lain tetapi pergerakan atau cara dalam satu silat tersebut mungkin berbeza mengikut mahaguru yang mengajar silat tersebut. Di dalam Malaysia ini kita mempunyai satu badan yang menjaga nama silat ini. Badan tersebut dipanggil Pusaka. Semua persatuan-persatuan silat di Malaysia ini akan didaftarkan dan dijaga oleh badan Pusaka ini. Tetapi bagi silat yang memasuki perlawanan ianya akan didaftarkan di bawah badan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Silat yang terdapat di bawah kedua-dua badan ini akan ditarbirkan mengikut pentadbiran masing-masing.

E. Apakah peranan silat gayong dalam kalangan masyarakat di Kedah?

Berdasarkan hasil temu buat bersama Puan Shahirah, peranan silat gayong ini sebenarnya terhasil daripada mahaguru silat gayong itu sendiri. Dalam seni mempertahankan diri ini sebenarnya terdapat banyak pertubuhan silat seperti silat gayong Malaysia yang merupakan silat pertama diperkenalkan. Peranan utama silat gayong adalah sebagai seni mempertahankan diri. Silat gayong merupakan seni bela diri yang mengfokuskan kepada mempertahankan diri dan keselamatan secara peribadi. Di dalam

silat gayong ini juga ada melibatkan teknik-teknik serangan dan mempertahankan ketika kita berada dalam situasi yang merbahaya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa silat gayong ini memberikan impak yang besar kepada mereka yang mempelajarinya kerana mereka dapat menggunakan kelebihan yang mereka ada sekiranya mereka berada di dalam situasi untuk berlawan dengan musuh.

Selain itu, peranan silat gayong dalam kalangan masyarakat di Kedah juga adalah dari segi warisan budayanya. Silat gayong adalah sebahagian daripada warisan budaya kerana ianya memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan mewarisi tradisi bela diri tempatan terutamanya di Kedah sendiri. Hal ini berlaku demikian kerana, silat gayong yang mulanya ditubuhkan di Kedah oleh Allahyarham Dato' Meor ini memberi impak yang besar bagi mereka yang berjaya mempelajari dan mendalami ilmu silat gayong bersama dengan Allahyam Dato' Meor. Dengan adanya perkara seperti ini, pemeliharaan terhadap seni silat gayong ini akan terus berkembang kerana adanya masyarakat yang mengambil berat tentang warisan budaya silat gayong ini.

Seterusnya, peranan silat gayong dalam kalangan masyarakat Kedah juga adalah dengan dapat memberi latihan fizikal dan kesihatan. Amalam silat gayong ini sebenarnya melibatkan gerakan-gerakan fizikal yang membina kekuatan, kecekapan dan ketahanan. Di dalam mempelajari silat gayong ini juga dapat memberi kesan positif terhadap kesihatan dan kecergasan masyarakat. Dalam silat gayong ini juga peranan terbesarnya adalah dalam membentuk pendidikan karakter masyarakat. Melalui silat gayong juga disiplin dan nilai-nilai seperti hormat, kesabaran dan tanggungjawab juga akan diajar. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa peranan masyarakat dalam silat gayong amat penting dalam membentuk satu karakter.

Seterusnya, peranan silat gayong dalam masyarakat di Kedah juga kita dapat lihat apabila setiap masyarakat yang mengikuti silat ini bukan sahaja dapat mempelajari ilmu

silat itu tetapi juga dapat mempelajari bacaan ayat-ayat suci Al-quran. Perkara ini kerana, sebelum melakukan latihan ataupun upacara mereka akan mendahuluinya dengan bacaan surah dan juga ayat suci Al-quran. Sekiranya mereka sering melakukan perkara ini secara tidak lansung mereka telahpun menghafal yang dapat membaca dengan lancar ayat-ayat suci Al-quran tersebut. Oleh itu, kita dapat lihat dengan jelas di sini peranan masyarakat dalam silat gayong memberi pengaruh yang sangat besar.

Menurut Puan Shahirah juga peranan silat gayong ini adalah untuk mempertahankan diri. Mempertahankan diri bukan sahaja untuk diri sendiri kata beliau tetapi pada zaman Allahyarham Dato' Meor askar-askar pada zaman dahulu telah banyak menggunakanannya. Hal ini kerana pada zaman dahulu mereka bayak berkawan menggunakan silat. Bukan hanya silat sahaja tetapi sebagai seni mempertahankan diri yang mempunyai banyak aspek. Pada waktu sekarang, kita dapat lihat silat merupakan warisan melayu yang telah lama dipertahankan dan ianya telah diiktiraf pada perhimpunan di Dataran Mereka.

Seni silat gayong memberi peranan yang besar terhadap masyarakat terutamanya golongan muda kerana silat gayong kini sudah mula diperkenalkan di peringkat sekolah dan juga Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Di peringkat sekolah kita dapat lihat, guru-guru mewajibkan silat gayong ini perlu diceburi oleh murid-murid mereka. Tetapi ianya tiada paksaan kepada mereka yang tidak mahu untuk mengikutinya.

Menurut Puan shahirah lagi, peranan silat gayong ini bukan saha kita dapat lihat dari segi peranan masyarakat sahaja tetapi kita boleh lihat peranan dari segi keselamatan, ekonomi dan juga silaturahim. Perkara ini sebenarnya masih sama, tetapi kita hanya perlu menaik taraf perkara ini mengikut peredaran dan perkembangan zaman. Bagi pihak sekolah mereka boleh mengikuti apa yang Kementerian Pengajian Malaysia (KPM) sudah tetapkan berkaitan silat di sekolah yang mempunya aktiviti ataupun kelab silat ini. Bagi

Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga melakukan perkara yang sama dengan menaik taraf silat gayong ini mengikut peredaran zaman. Perkara yang sama dikenakan adalah silibus, pertandingan dan juga asas di dalam silat itu sendiri.

Berdasarkan hasil kepustakaan, silat gayong memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat terutamanya di Malaysia dan beberapa negara Asia Tenggara lainnya, di samping menjadi warisan budaya yang penting, silat gayong juga berperanan dalam memupuk disiplin, kesihatan dan kekuatan fizikal dalam masyarakat. Ianya juga digunakan sebagai cara untuk mempertahankan diri dan tradisi warisan dari generasi ke generasi. Selain itu, silat gayong ini menjadi alat untuk memperkuatkannya ikatan social dalam komuniti yang mengamalkannya.

Menurut hasil daripada pemerhatian pula, silat gayong ini sebenarnya menarik. Hal ini berlaku demikian kerana silat gayong ini dapat mengeratkan hubungan golongan yang berumur, golongan muda dan kanak-kanak. Semasa pemerhatian dijalankan di tapak silat gayong diadakan, pengkaji dapat melihat hubungan antara golongan ini terjalin. Mereka lebih erat diantara mereka sendiri tidak kira umur. Bagi golongan muda mereka sangat menghormati golongan yang sudah berumur ini. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dengan silat gayong ini memberi impak yang sangat besar dan memberi peranan yang penting dalam perbagai

F. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, di dalam bab ini pengkaji dapat menyelesaikan objektif yang dibincangkan di dalam bab 1. Melalui kaedah yang ditemui bual pengkaji dapat menyimpulkan bahawa silat gayong di Kedah ini merupakan salah satu aktiviti yang menarik dan semua orang perlu mengambil tahu tentangnya. Silat gayong di Kedah ini

bukan sahaja mengajar tentang ilmu mempertahankan diri tetapi juga mengajar diri kita untuk lebih berdisiplin, menghormati orang tua dan mengikut ajaran Allah S.W.T. Pengkaji juga dapat menambah ilmu dengan mengetahui bahawa silat gayong ini sebenarnya mempunyai keistimewaan yang tersendiri dengan adanya perbagai asas yang hebat dari silibus awal hingga akhir di dalam silat gayong.



BAB V

CADANGAN DAN KESIMPULAN

A. PENGENALAN

Secara keseluruhannya, di dalam bab terakhir ini pengkaji akan menceritakan secara keseluruhan perbincangan berkaitan kajian yang telah dilakukan. Di dalam bab ini juga pengkaji akan memberikan beberapa cadangan untuk menambahbaik kajian yang telah dijalankan. Pengkaji juga akan menulis beberapa kesimpulan terhadap semua kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji dari bab satu sehingga ke bab terakhir iaitu bab lima. Oleh itu, berdasarkan keseluruhan hasil kajian yang diperoleh oleh pengkaji semasa kajian ini akan disimpulkan dan dirumuskan dengan sebaiknya supaya pembaca tidak akan keliru dengan maklumat lepas yang telah ditulis oleh pengkaji lain.

B. CADANGAN

Berdasarkan daripada hasil kajian yang diperoleh, pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan untuk memastikan seni silat gayong ini akan terus terpelihara dan tidak pupus ditinggal oleh arus permodenan.

C. INDIVIDU/ PENGKAJI

Antara cadangan yang boleh diketengahkan oleh pengkaji adalah dengan menjaga silat gayong kerana dengan menjaganya kita dapat melibatkan kesedaran terhadap pentingnya melestarikan tradisi, melibatkan generasi muda dalam latihan serta berusaha untuk memelihara nilai-nilai moral dan etika yang terkandung dalam dalam seni bela diri. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan dengan menyokong acara-acara komuniti dan

kolaborasi dengan pihak berkepentingan juga boleh membantu dalam memastikan kesinambungan warisan silat gayong. Dengan adanya pendedahan seperti ini ianya akan memberi kebaikan kepada ramai masyarakat terutamanya golongan muda.

Selain itu, pengkaji bercadang agar setiap individu yang mengetahui tentang seni silat gayong ini mengambil inisiatif untuk menyebarkan supaya orang ramai dapat tahu tentang wujudnya seni silat gayong ini. Setiap individu yang tahu tentang silat gayong ini perlu mengajak individu-individu lain untuk sama-sama memeriahkan silat gayong ini. Mereka juga boleh menceritakan kepada orang ramai tentang kelebihan yang ada di dalam silat gayong ini seperti dengan belajar silat gayong ini bukan sahaja kita dapat mempelajari ilmu mempertahankan diri tetapi kita juga dapat mempelajari ilmu lain seperti menghafal ayat-ayat al-quran. Bagi kanak-kanak yang bersekolah pula mengikut Puan Shahira mereka bukan hanya melihat dari segi keboleh bersilat sahaja tetapi mereka juga mengambil berat tentang pelajaran dan solat mereka. Menurut Puan Shahira, bagi kanak-kanak yang bersekolah mereka akan memastikan kanak-kanak ini menyiapkan kerja sekolah mereka dah solat dahulu sebelum memulakan latihan silat. Bagi pesilat pula mereka perlu mengambil air sembahyang sebelum masuk ke gelanggang. Perkara ini jelas menunjukkan silat gayong ini memberi banyak impak yang baik dalam kehidupan dan juga warisan seni silat gayong ini sekaligu akan terus terbela.

D. MASYARAKAT

Masyarakat merupakan individu yang paling penting dalam menjaga warisan seni silat gayong ini. Hal ini berlaku demikian kerana, semakin ramai masyarakat yang tahu atau mengambil tahu tentang seni silat gayong ini ianya akan dapat terus berkembang dengan maju. Masyarakat juga harus pandai mengambil peluang untuk mempelajari seni

silat gayong ini kerana silat gayong ini mampu menjadi senjata peribadi yang berharga dalam diri setiap individu. Masyarakat juga perlu sedar tentang kepentingan dalam memelihara seni silat gayong ini supaya seni silat gayong ini dapat diperkenalkan kepada semua lapisan masyarakat. Perkara ini kerana, masyarakat kini lebih cenderung kepada aktiviti mempertahankan diri seperti teakwondo dan sebagainya. Dengan adanya arus permodenan yang cepat jugak memberi impak yang besar kepada masyarakat untuk tidak menceburi bidang seni silat gayong ini.

Selain itu, masyarakat boleh mengambil inisiatif intuk melakukan kolaborasi bersama badan Kerajaan dalam memperkenalkan seni silat gayong ini kepada masyarakat yang lain. Masyarakat boleh berganding bahu dalam mengadakan program perlawanan antara satu kumpulan silat gayong dengan kumpulan silat gayong yang lain. Peranan Kerajaan pula adalah dengan mewar-warkan kepada masyarakat lain tentang adanya perlawanan antara kumpulan silat gayong ini. Dengan kuasa yang ada pada pihak Kerajaan masyarakat akan lebih peka dalam sesuatu hal yang memberi banyak manfaat kepada mereka. Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa seni silat gayong ini akan kekal lama dengan adanya campur tangan pihak Kerajaan ataupun badan yang berwajib.

E. KERAJAAN

Antara cadangan yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengekalkan seni silat gayong ini adalah dengan cara mengadakan persesembahan di majlis-majlis Kerajaan. Perkara ini kerana, apabila persesembahan silat gayong sering diadakan ianya akan memukau mata ramai pihak untuk mengambil tahu tentang silat gayong ini. Sekiranya ramai pihak yang ingin tahu tentang silat gayong ini kita akan dapat menambah ahli baru untuk mempelajari silat gayong sekaligus seni silat gayong ini akan terus berkembang.

Selain itu, pihak Kerajaan juga boleh mengadakan kelas latihan untuk mempelajari silat gayong secara percuma di setiap negeri ataupun daerah. Perkara ini akan menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka mempelajari silat gayong ini. Bukan itu sahaja, pihak Kerajaan perlu menyediakan kelengkapan yang secukupnya kepada ahli-ahli silat yang baru supaya mereka dapat lebih focus semasa menjalani latihan silat gayong.

Mewajibkan di setiap sekolah terdapatnya satu kelab silat gayong. Perkara ini dapat membuka peluang yang luas kepada murid yang ingin mencuba untuk mempelajari silat gayong. Pihak Kerajaan juga perlu membekalkan seorang guru yang mahir bersilat di setiap sekolah agar guru mereka dapat mengajar mereka cara untuk bersilat. Setelah mereka mahir bersilat, guru-guru boleh membawa murid tersebut untuk memasuki pertandingan di peringkat sekolah, daerah, negeri dan juga kebangsaan ataupun sehingga ke sukan terbesar di dunia. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dengan adanya bantuan dari pihak Kerajaan seni silat gayong ini akan lebih terus berkembang maju sehingga ke seluruh dunia.

F. KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji telah menghuraikan hasil dapatan kajian yang diperoleh secara keseluruhannya. Pengkaji juga telah memberi beberapa cadangan untuk memastikan seni silat gayong ini terus terpelihara terutamanya di Negeri Kedah sendiri. Perkara ini kerana silat gayong ini menjadi lambang dan keunikan yang ada pada negeri tersebut. Oleh itu. Persembahan silat gayong di dalam masyarakat Kedah ini perlu dipelihara dengan sebaiknya agar masyarakat akan datang akan dapat tahu tentang kewujudan persembahan seni silat gayong ini.

LAMPIRAN



KELANTAN



RUJUKAN

Pertubuhan seni silat pusaka gayong Malaysia (PSSPGM), Tetak Tempur Tangan

Kosong, Sarjana Media SDN BHD, 2009.

Wikipedia, Silat Gayong Malaysia, Mac 2017.

https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Silat_Gayong_Malaysia

Azrul Affandi Sobry, rahsia perlimau, mandi dalam silat gayong, 31 July 2017.

<https://www.bharian.com.my/amp/hujung-minggu/lain-lain/2017/07/307203/rahsia-perlimau-mandi-dalam-silat-gayong>

Sofian Baharom, Lebih 500 Pesilat Berhimpun, Penyatuan Anak Murid Silat Gayong,

diterbitkan pada 3 september 2022, 9:45PM.

<https://www.getaran.my/artikel/semasa/30212/lebih-500-pesilat-berhimpun-penyatuan-anak-murid-silat-gayong>

Rabi'Ahtuladawayah, Masyarakat cakna mempertahankan warisan silat seni gayong, 29

Julai 2022, 11.39. <https://dewanbudaya.jendeladb.my/2022/07/29/2570/>

Nurul Izzah Aisa, Martabatkan seni silat warisan melayu, 22 Januari.

<https://www.nadibangium.com/post/martabatkan-seni-silat-warisan-melayu>

Kejuaraan pencak silat perwira 2023 berlangsung meriah dan berjaya di Centro Mall, Klang.

<https://www.majalahpama.my/kejuaraan-pencak-silat-perwira-2023-berlangsung-meriah-berjaya-di-centro-mall-klang/amp/>

Seni Silat Gayong Sarawak, Pesilat Mengamuk di majlis Perkahwinan, 5 Jun 2020.

<https://youtu.be/zcomdfSsh>

Puncak Jalil, 1000 peserta bakal sertai Kejohanan Terbuka Silat Gayong Malaysia, 31 august 2022.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/46152-1-000-peserta-bakal-sertai-kejohanan-terbuka-silat-gayong-malaysia>

Murnaena Muhammad Nasir, belajar silat untuk tingkat keyakinan diri, Rabu, 12 April 2023, 7:32am. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/646413/belajar-silat-untuk-tingkat-keyakinan-diri>